

MATA PELAJARAN : GEOGRAFI  
TINGKATAN : 2  
TEMA : DINAMIK PENDUDUK  
TAJUK : KESAN PERUBAHAN PENDUDUK TERHADAP ALAM  
SEKITAR  
(TEMA 4)

### SOALAN KURIKULUM

SOALAN PENTING : 1. Bagaimana kehidupan manusia jika sumber semulajadi tercemar?

SOALAN UNIT : 1. Mengapa alam sekitar diancam bahaya?  
2. Bagaimana aktiviti manusia menyebabkan berlakunya bencana alam

SOALAN KANDUNGAN : 1. Apakah kesan-kesan perubahan penduduk terhadap alam sekitar?  
2. Nyatakan langkah-langkah mengatasi masalah pencemaran alam sekitar akibat perubahan penduduk ?

### OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Pada akhir projek, pelajar dapat :

1. Mempersembahkan projek dalam bentuk laporan bertulis dan forum.
2. Mempersembahkan projek dalam bentuk Power Point.
3. Mempamerkan hasil projek (laporan projek, gambar dan poster berkaitan)

### RINGKASAN PELAJARAN

Kebanyakan negara di dunia telah mengalami penambahan penduduk secara semulajadi. Menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), dianggarkan penduduk dunia akan mencapai jumlah 8.2 billion orang menjelang tahun 2021. Perubahan penduduk ini membawa kesan positif dan kesan negatif terhadap penerokaan sumber, khususnya tanah, hutan dan air. Malaysia tidak ketinggalan mengalami kesan penambahan penduduk. Akibat penambahan penduduk memberi impak terhadap sumber tanah, air dan hutan.

### PROSEDUR

#### PRA-PROJEK

1. Guru memilih pelajar dan membentuk kumpulan( 3 hingga 5 orang)
2. Guru memberi tajuk projek
3. Guru menyediakan jadual kerja pelaksanaan projek.
4. Guru menyediakan surat-menyurat yang berkaitan.
5. Guru menjelaskan tentang pelaksanaan projek.

#### MINGGU 1

1. Guru menyediakan dan memberikan rubric penilaian kepada pelajar.

2. Pelajar membahagikan tugas mengikut kemahiran masing-masing.
3. Mengumpul dan membincangkan maklumat yang diperolehi.
4. Pelajar mendapatkan maklumat melalui internet, perpustakaan dan orang sumber.

#### MINGGU 2

1. Guru mengenal pasti cara pelajar akan mempersembahkan projek
2. Berbincang dengan guru untuk memperbaiki hasil projek

#### MINGGU 3

1. Kumpulan pelajar menyediakan persembahan multimedia dan bahan pameran.
2. Kumpulan memurnikan bahan-bahan yang telah disediakan.
3. Menyediakan persembahan bahan multimedia dan bahan pameran.
4. Guru memantau hasil projek.

#### MINGGU 4

1. Guru membimbing pelajar cara persembahan forum, pameran dan persembahan multimedia.
2. Semua kumpulan mengadakan raptai persembahan.

#### MINGGU 5

1. Semua kumpulan mempersembahkan hasil projek.
2. Guru akan membuat ulasan terhadap persembahan yang dilakukan.
3. Penilaian hasil projek berdasarkan rubrik

#### TEMPOH MASA

5 minggu

#### PENGETAHUAN KEMAHIRAN SEDIA ADA

1. Pengetahuan asas tentang alam sekitar akibat pertambahan penduduk.
2. Kemahiran multimedia power point dan muat turun bahan internet.

#### BAHAN BANTU BELAJAR / SUMBER PEMBELAJARAN

1. Teknologi - peralatan (cth. Kamera, DVD player, radio)
2. Teknologi – perisian (cth. Pemprosesan imej, Pangkalan data, e-mail)
3. Bahan bercetak – buku teks
4. Sumber internet – alamat web (URL) dan maklumat ringkas menyokong pelaksanaan pelajaran
5. Lain-lain – orang sumber

#### PENTAKSIRAN

Contoh : Rubrik Oral

Rubrik Poster

Rubrik Folio

Rubrik multimedia

(penilaian guru terhadap pelajar)